

Produk Serat Kaca Filamen Selanjar

Versi 2.0

Tarikh semakan 29.08.2022

Tarikh Cetakan 29.08.2022

BAHAGIAN 0. MAKLUMAT AM

Produk ini merupakan barangan menurut Artikel 3.3 peraturan (EC) Bil. 1907/2006 (REACH). Ia tidak mengandungi kandungan bertujuan untuk dibebaskan di bawah keadaan penggunaan yang normal atau boleh diramalkan dengan budi bicara. Justeru, bahan tersebut tiada kewajipan pendaftaran bagi bahan dalam barangan menurut Artikel 7.1 Peraturan. Tidak ada kewajipan untuk menyediakan Helaian Data Keselamatan untuk Produk ini kerana Artikel 31 peraturan tidak berkuat kuasa kepada artikel tersebut tetapi hanya bagi bahan dan campuran yang berbahaya. Johns Manville berusaha untuk berkomunikasi dengan pelanggannya mengenai maklumat yang bersesuaian demi memastikan pengendalian dan penggunaan produknya yang selamat. Walau bagaimanapun tiada format mandatori ditentukan di dalam Peraturan dalam memberikan maklumat tersebut.

BAHAGIAN 1. PENGENALAN PRODUK DAN SYARIKAT

Nama perniagaan : Chop-Pak® - DuraCore® - DuraChop® - Kytex® - MultiStar®
- StarRov® - StarStran® - ThermoFlow®

Pengilang/Pembekal

Syarikat : Johns Manville Slovakia, a.s.

Alamat : Strojársená 1
91799 Trnava / SLOVAKIA

Telefon : +421 33 5918-249

Titik Hubungan : productsafety@jm.com

BAHAGIAN 2. PENGENALAN BAHAYA

Bahaya Lain

Produk ini merupakan barangan yang mana jenisnya untuk dipasarkan tidak menunjukkan bahaya kesihatan semasa penyedutan, sentuhan dengan kulit ataupun penelanan. Semasa pengendalian produk ini, kerengsaan mekanikal sementara (kegatalan) pada kulit, mata dan saluran pernafasan mungkin berlaku semasa dedahan kepada fiber/habuk dan ia takkan terjadi melainkan adanya sentuhan langsung terhadapnya. Kesan lelasan seharusnya berkurangan selepas dedahan diberhentikan.

BAHAGIAN 3. KOMPOSISI/MAKLUMAT MENGENAI RAMUAN

Sifat bahan kimia

Produk SKFS biasanya diperbuat daripada filamen E-kaca selanjar dengan diameter melebihi 8 µm dan berorientasi selari. Rawatan permukaan (pensaizan) digunakan pada filamen yang dikumpulkan untuk membentuk bebenang. Bebenang ini seterusnya akan diproses ke dalam reka bentuk produk tertentu. Pensaizan adalah campuran berasaskan polimer yang terdiri daripada mis. pembentuk filem, ejen gandingan dan bantuan pemprosesan lain. Kandungan pensaizan biasanya di bawah 2%.

Komponen berbahaya

BAHAGIAN 4. LANGKAH-LANGKAH PERTOLONGAN CEMAS

Nasihat umum : Dapatkan rawatan perubatan jika simptom berlaku.

Jika tersedut : Pindah ke udara bersih.

Produk Serat Kaca Filamen Selanjar

Versi 2.0

Tarikh semakan 29.08.2022

Tarikh Cetakan 29.08.2022

BAHAGIAN 8. KAWALAN PENDEDAHAN/PERLINDUNGAN DIRI

Komponen dengan parameter kawalan tempat kerja

Komponen	No.-CAS	Jenis nilai (Sifat pendedahan)	Parameter Kawalan / Kepekatan yang dibenarkan	Dasar
Had habuk umum (Jerman)	Tidak Diperuntukkan	AGW (Pecahan alveolar)	1,25 mg/m ³	DE TRGS 900
		AGW (Pecahan boleh terhirup)	10 mg/m ³	DE TRGS 900

Sila lihat had dedahan yang diluluskan peraturan negara anda.

Peralatan Perlindungan Diri

- Perlindungan Pernafasan : Biasanya tiada peralatan pernafasan pelindung diri diperlukan.
Jika telah melebihi had dedahan pekerjaan, gunakan topeng habuk yang bersesuaian.
- Perlindungan tangan
Catatan-catatan : Bagi sentuhan yang berpanjangan dan berulang gunakan sarung tangan perlindungan.
- Perlindungan mata : Cermin mata keselamatan
- Perlindungan kulit dan badan : pakaian berlengan panjang
- Kawalan Kebersihan : Guna berpandukan kebersihan industri dan amalan keselamatan yang baik.

BAHAGIAN 9. SIFAT FIZIKAL DAN KIMIA

- Rupa : pepejal
- Bau : sedikit

BAHAGIAN 10. KESTABILAN DAN KEREAKTIFAN

- Kereaktifan : Tiada penghuraian jika disimpan dan digunakan seperti yang diarahkan.
- Kestabilan kimia : Tiada penghuraian jika disimpan dan digunakan seperti yang diarahkan.
- Kemungkinan tindak balas berbahaya : Stabil di bawah keadaan simpanan yang disarankan.
Tiada bahaya untuk khas disebut.
- Keadaan untuk dielak : Tiada data disediakan

BAHAGIAN 11. MAKLUMAT TOKSIKOLOGI

Produk Serat Kaca Filamen Selanjar

Versi 2.0

Tarikh semakan 29.08.2022

Tarikh Cetakan 29.08.2022

Maklumat lanjut

Semasa memotong, mengisar atau melakukan aktiviti pemprosesan berkaitan, habuk mungkin terhasil yang tidak menunjukkan bahaya kesihatan jika di bawah had dedahan disyorkan untuk habuk gangguan (boleh sedut dan sebahagian alveolus). Semasa pengendalian produk ini, kerengsaan mekanikal sementara (kegatalan) pada kulit, mata dan saluran pernafasan mungkin berlaku semasa dedahan kepada fiber/habuk dan ia takkan terjadi melainkan adanya sentuhan langsung terhadapnya. Kesan lelasan seharusnya berkurangan selepas dedahan diberhentikan. Gelas filamen bersambung tidak mempunyai satah belahan di mana tidak membenarkannya berpecah mengikut panjang kepada fiber mengikut diameter lebih kecil; malah ia berpecah merentasi fiber, lalu terhasil fiber yang diameternya sama dengan fiber asal. Pemeriksaan mikroskopik habuk daripada gelas terpenggal tinggi dan hancur menunjukkan kehadiran sedikit amaun partikel habuk boleh sedut. Di antara partikel boleh sedut, sebahagiannya seakan fiber mengikut nisbah pemanjangan/diameter (dikenali "syard"). Ia dapat dilihat dengan jelas, walau bagaimanapun, ia bukanlah fiber berbentuk sekata tetapi lebih kepada partikel tak sekata dengan dimensi seakan fiber. Menurut data kami, tahap dedahan partikel habuk seakan fiber ini yang diukur di loji pengilangan kami, dalam kiraan magnitud, di antara 50 hingga 1000 kali di bawah had dedahan pekerjaan sedia ada. Dedahan akan berubah mengikut keadaan persekitaran dan pemprosesan dan jangka masa dedahan.

BAHAGIAN 12. MAKLUMAT EKOLOGI

Maklumat lanjut

Disebabkan oleh sifat-sifat produk, bahaya kepada persekitaran tidak boleh dijangkakan.

BAHAGIAN 13. MAKLUMAT PELUPUSAN

Kaedah pelupusan

Buangan dari sisa : Sejalan dengan peraturan tempatan dan nasional.

BAHAGIAN 14. MAKLUMAT PENGANGKUTAN

Peraturan-peraturan pengangkutan antarabangsa

Produk ini tidak diklasifikasikan sebagai bahan berbahaya menurut peraturan pengangkutan antarabangsa.

BAHAGIAN 15. MAKLUMAT PENGAWALSELIAAN

Peraturan-peraturan lain

Memandangkan produk ini dipertimbangkan sebagai barangan menurut kebanyakan peraturan kimia antarabangsa, ia atau komponennya tidak didaftarkan dalam inventori nasional.

BAHAGIAN 16. MAKLUMAT LAIN

Maklumat lanjut

Produk Serat Kaca Filamen Selanjar

Versi 2.0

Tarikh semakan 29.08.2022

Tarikh Cetakan 29.08.2022

Titik Hubungan

productsafety@jm.com

Maklumat disediakan dalam Arahan Kegunaan Selamat (SUI) ini adalah benar sebagaimana yang kami ketahui, sama ada maklumat dan kepercayaan semasa tarikh penerbitannya. Maklumat diberikan adalah bertujuan hanya sebagai panduan untuk pengendalian, penggunaan, pemprosesan, penyimpanan, pengangkutan, pelupusan dan respons kecemasan yang selamat dan ia bukan dipertimbangkan sebagai waranti atau spesifikasi kualiti. Maklumat tersebut hanya berkaitan dengan bahan khusus direka cipta dan bukanlah sah untuk bahan digunakan dalam kombinasi dengan sebarang bahan lain untuk apa-apa proses, melainkan termaktub di dalam teks.